



جياتن كحاكيمن شرعية مليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami: JKSM/100-24/5

Takwim : 6 Zulkaedah 1421

Tarikh : 31 Januari, 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie
Mahkamah –mahkamah Syariah
Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2000

Laporan Bulanan Kes

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1/2000 pada 11 Mei, 2000 di Kota Bharu, Kelantan dan keputusan mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie Kali Ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiulawwal 1421 di Kota Kinabalu, Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung Laporan Bulanan Kes. Mulai 1 Mac, 2001, laporan bulanan berhubung kes Mal, Jenayah, Faraid dan kes Rayuan hendaklah disediakan dan sesalinannya dialamatkan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dengan ditujukan kepada Pendaftar jabatan tersebut menggunakan format borang sebagaimana yang ditetapkan.

(Dato' Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Kuala Lumpur
18 Disember, 2000